

FGV bebas tentu hala tuju selepas dinyahsenaraikan mulai 28 Ogos

Kerajaan akan tetapkan arahan jelas bantu agensi kembali kepada matlamat asal FELDA

zanariah_mutalib@bh.com.my

Kuala Lumpur: FGV Holdings Berhad (FGV) boleh dinyahsenaraikan daripada Bursa Malaysia bermula 28 Ogos ini, sekali gus membolehkan ia menentukan hala tuju sendiri bagi faedah peneroka tanah rancangan itu.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata susulan itu, FELDA yang menjadi satu kekuatan FGV tidak lagi terikat dan boleh menentukan arah tuju mereka, selain mampu memberi jaminan melalui Koperasi Permodalan FELDA Malaysia Berhad (KPF) supaya faedah dan kepentingan peneroka menjadi keutamaan.

Katanya, sebaik sahaja perkara itu diuruskan, beliau dan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi bersama Pengerusi FELDA, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek akan menetapkan arahan yang jelas daripada kerajaan supaya FGV kembali kepada matlamat asal FELDA.

"Keutamaannya (faedah) ke-



Anwar menyampaikan anugerah kecemerlangan rancangan FELDA 2025 kepada FELDA Bukit Easter pada majlis Mega Karnival 3 Dimensi 2025 di Kuala Lumpur, semalam. Turut kelihatan Ahmad Zahid dan Ahmad Shabery (empat dari kiri). (Foto BERNAMA)

pada peneroka, hak dan hasil mereka serta koperasi yang mereka tentukan.

"Bagi yang selanjutnya, biar mereka uruskan untuk beberapa bulan pertama supaya akan berhasil projek FELDA dihasratkan," katanya berucap merasmikan Mega Karnival 3 Dimensi (MK3D) 2025 di sini, semalam.

Yang turut hadir, Ahmad Zahid yang juga Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah.

Dua hari lalu, media melapor-

kan FELDA berjaya melepasi ambang 90 peratus pemilikan dalam FGV, berikutan tawaran pengambilalihan sukarela tanpa syaratnya, sekali gus membuka jalan untuk penyahsenaraian FGV di Bursa Malaysia.

Media juga melaporkan, Shabery berkata, pengambilalihan FGV adalah satu langkah konsolidasi bagi memperkukuh operasinya pada masa akan datang.

Perdana Menteri berkata, kerajaan terpaksa membelanjakan

hampir RM1 bilion setiap tahun bagi melangsaikan hutang lapuk FELDA.

"Itu kita akan teruskan. Itu tidak mengapa, bukan salah ibu mengandung, bukan salah peneroka, ini ada masalah lain," katanya.

Manfaatkan peruntukan

Pada masa sama, beliau turut meminta pengurusan FELDA dan KPF untuk memastikan setiap kampung di bawah FELDA melaksanakan projek melalui peruntu-

kan RM100,000 yang diberikan kerajaan, tahun lalu.

"Saya sudah sediakan peruntukan. Setiap kampung FELDA, bukan setiap kawasan, tapi setiap kampung diberikan RM100,000 untuk mereka tentukan projek apa yang mereka nak lakukan.

"Sebahagian sudah memulakan, tetapi masih banyak belum. Ini bukan pengurusan yang tentukan, projek apa nak buat, nak beli apa. Saudara sendiri putuskan apa yang nak beli," katanya.